



## JANGAN HELLO 2.0 D'NARS GOLD DI SINAR TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

### A. TERMA-TERMA ASAS

1.	<b>Penganjur</b>	<b>ASTRO RADIO SDN BHD</b>
2.	<b>Stesen Radio</b>	SINAR
3.	<b>Nama Peraduan</b>	Jangan Hello 2.0 D'nars Gold di SINAR
4.	<b>Huraian Ringkas Peraduan/ Rancangan</b>	Ini adalah peraduan untuk peluang memenangi wang tunai
5.	<b>Mekanisme ringkas Peraduan</b>	<p>1. Peserta perlu mendaftarkan diri di laman web SINAR, <a href="http://www.sinar.my">www.sinar.my</a></p> <p>2. Nantikan panggilan dari penyampai SINAR</p> <p>3. Jika terpilih, Peserta harus menjawab panggilan tersebut dengan "Hebat D'nars" untuk memenangi wang tunai sekurang-kurangnya RM500.00</p> <p>4. Jika Peserta gagal, wang tunai tersebut akan ditambah ke segmen seterusnya</p> <p>5. Seorang Peserta dibenarkan untuk menghantar lebih daripada satu (1) penyertaan, Bagaimanapun, seorang Peserta hanya boleh menang sekali dalam Peraduan ini. Mana-mana kemenangan seterusnya akan diisyiharkan tidak sah secara automatik</p> <p>Peserta mesti mematuhi mekanisme Peraduan seperti yang diubah, dipinda atau diberitahu oleh Penganjur dalam Tempoh Peraduan.</p>
6.	<b>Kriteria Kelayakan</b>	<p>a) Peraduan ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang mencapai Umur Kelayakan seperti yang dinyatakan di bawah.</p> <p>b) Peserta mestilah seorang warganegara Malaysia dan memiliki Kad Pengenalan Malaysia yang sah.</p>
7.	<b>Ketidaklayakan</b>	<p>Golongan berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini: -</p> <p>(a) Pekerja-pekerja/Kontraktor-Kontraktor/Pembekal-Pembekal dan suami, isteri, anak-anak, ibu-bapa dan adik-beradik pihak-pihak tersebut Penganjur, MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd, Astro Entertainment Sdn Bhd, Astro Production Sdn Bhd, Astro Digital 5 Sdn Bhd dan Astro Malaysia Holdings Berhad, penaja Peraduan dan anak syarikat dan syarikat bersekutu mereka.</p> <p>(b) Telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM1,000 atau kurang daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum menyertai Peraduan ini.</p> <p>(c) Telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM1,001 – RM5,000 daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh sembilan puluh (90) hari sebelum menyertai Peraduan ini.</p> <p>(d) Telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM5,001 atau lebih daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh tiga ratus enam puluh lima (365) hari sebelum menyertai Peraduan ini.</p>

8.	<b>Umur Kelayakan</b>	<p>a) Peraduan ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas pada 9 September 2019.</p> <p>b) Dalam situasi di mana Peserta di bawah umur 18 tahun dibenarkan menyertai Peraduan ini, Peserta tersebut mesti mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga Peserta untuk memasuki Peraduan ini dan menerima Hadiah. Pihak Penganjur menganggap bahawa ianya merupakan tanggungjawab ibu bapa atau penjaga Peserta di bawah umur 18 tahun untuk memantau penyertaan Peserta di dalam Peraduan ini. Ibu bapa atau penjaga mungkin, tertakluk kepada budibicara mutlak pihak Penganjur, dikehendaki untuk menandatangani satu indemnititi dalam bentuk yang dikehendaki oleh pihak Penganjur sebagai salah satu pra syarat kelayakan penerimaan Hadiah Peserta di bawah jagaan ibu bapa atau penjaga terbabit.</p>
9.	<b>Caj</b>	Tidak berkenaan
10.	<b>Tempoh Peraduan</b>	<p>9 September 2019 - 20 September 2019</p> <p>Pihak Penganjur berhak untuk mengubah, melanjutkan atau menangguhkan Tempoh Peraduan atau mana-mana tarikh, atau menetapkan tarikh baru mengikut budi bicara mutlaknya.</p>
11.	<b>Bahasa Peraduan</b>	Bahasa Malaysia
12.	<b>Prosedur Penyertaan</b>	Peserta harus melayari <a href="http://www.sinar.my">www.sinar.my</a> , mengisi semua butiran yang diperlukan dan nantikan panggilan dari penyampai SINAR jika terpilih. Kemudian, jawab panggilan telefon tersebut dengan "Hebat D'nars"
13.	<b>Tarikh Tutup Penyertaan</b>	Penyertaan mestilah diterima oleh pihak Penganjur pada atau sebelum 11.59 malam pada 20 September 2019.
14.	<b>Cara Penghantaran</b>	Melalui laman web Stesen Radio – <a href="http://www.sinar.my">www.sinar.my</a>
15.	<b>Alamat</b>	All Asia Broadcast Centre Malaysia Technology Park Bukit Jalil 57000 Kuala Lumpur Malaysia
16.	<b>Pemilihan Pemenang</b>	Peserta yang telah mendaftar di laman web SINAR dan berjaya menjawab panggilan daripada penyampai SINAR dengan "Hebat D'nars"
17.	<b>Hadiah</b>	Sekurang-kurangnya RM500 *untuk setiap pemenang
18.	<b>Pemakluman Pemenang</b>	Pemenang akan dimaklumkan oleh Pihak Penganjur selepas panggilan telefon.
19.	<b>Tempoh Pengambilan Hadiah</b>	Akan dimaklumkan oleh pihak Penganjur
20.	<b>Tempat Pengambilan Hadiah</b>	Akan dikreditkan ke bank akaun peserta
21.	<b>Terma-terma tambahan, jika ada</b>	<p>Sekiranya transaksi pemindahan telegraf ke akaun bank pemenang gagal disebabkan oleh informasi yang dibekalkan oleh Pemenang adalah tidak lengkap dan/atau salah, Penganjur merizabkan haknya untuk menolak RM10.00 daripada nilai Hadiah untuk setiap penghantaran-semula transaksi tersebut.</p> <p>Sekiranya Pemenang memerlukan pengeluaran semula cek untuk Hadiah, RM50.00 akan ditolak daripada nilai Hadiah, melainkan pengeluaran semula itu adalah disebabkan oleh kecualian, kesilapan dan/atau kesalahan pihak Penganjur.</p> <p><b>TALIAN TERCICIR DAN TIDAK DAPAT DIHUBUNG!***</b></p> <p>Peraduan melalui panggilan telefon</p>

	<p>Tiada liabiliti ditanggung oleh pihak Penganjur untuk komunikasi telefon yang tidak baik, salah arah / salah menelefon atau kesukaran teknikal yang dialami oleh pemanggil semasa panggilan masuk untuk Peraduan.</p> <p>Jika semasa dalam Peraduan: -</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) talian telefon terputus atau terganggu; atau</li> <li>b) terdapat pertikaian yang timbul daripada penggunaan talian-talian telefon di dalam Peraduan (termasuk di dalam situasi di mana telefon berbilang talian adalah digunakan); atau</li> <li>c) dua talian telefon terlintang semasa Peraduan;</li> </ul> <p>pihak Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknya membatalkan kelayakan Peserta yang berkaitan atas apa-apa jua sebab, dan tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa pemberian Hadiah kepada Peserta, dan boleh memberikan Hadiah kepada orang lain mengikut budi bicara mutlaknya.</p> <p>Sekiranya suara selain daripada Peserta didengar di talian telefon, Peserta atau Pemenang yang layak adalah orang pertama di talian telefon untuk bercakap. Jika tidak dapat menentukan pemanggil mana yang pertama untuk bercakap di talian telefon, cabutan rawak akan diadakan untuk menentukan Pemenang, dan keputusan cabutan adalah muktamad.</p> <p>Semua Hadiah yang dimenangi tidak boleh dipindah milik kepada pihak lain dan tidak boleh ditukar kepada atau dijual dalam apa jua cara untuk apa-apa barang, hadiah atau wang tunai.</p> <p>Panel hakim akan ditentukan berdasarkan budi bicara mutlak pihak Penganjur dan/atau penaja. Penganjur boleh mengikut budi bicara mutlaknya membatalkan mana-mana Peserta untuk apa jua sebab, dan apa-apa keputusan oleh hakim, Penganjur dan/atau penaja yang berkaitan dengan Peraduan adalah muktamad dan Penganjur dan/atau penaja tidak akan melayan apa-apa rayuan oleh Peserta terhadap keputusan tersebut.</p> <p>Jika Hadiah adalah dalam bentuk tiket percuma atau pas:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) pemenang adalah tertakluk pada terma-terma dan syarat-syarat penganjur atau penaja acara tersebut;</li> <li>(b) pemenang mesti mematuhi terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam tiket (seperti klasifikasi filem) dan peraturan lokasi di mana acara tersebut akan diadakan; dan</li> <li>(c) tempat, tarikh dan masa acara/program/filem/persembahan boleh diubah pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlak Penganjur, penganjur acara atau penaja.</li> </ul>
--	--

Terma-terma Asas dan **Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan** (secara kolektif, "Terma dan Syarat") akan mengikat semua peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam Peraduan ini ("Peserta"). Definisi-definisi dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan akan digunakan kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Terma-terma Asas. Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan, Terma-terma Asas akan mengatasi setakat ketidakselarasan tersebut.

Kemasukan dan penyertaan di dalam Peraduan ini akan dianggap sebagai penerimaan Terma dan Syarat secara tanpa syarat oleh para Peserta.